

Media Title : Harian Metro
Headline : 5,776 kes tipu e-kewangan direkod sejak 2019
Date : 21 March 2024
Section : Lokal
Page : 2



5,776 kes tipu e-kewangan direkod sejak 2019

Kuala Lumpur: Sebanyak 5,776 kes penipuan e-kewangan di seluruh negara dicatatkan bagi tempoh 2019 hingga tahun lalu membabitkan kerugian berjumlah RM418,985.

Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Komersial (JSJK) Datuk Seri Ramli Mohamed Yoosuf berkata, penggunaan pautan bagi tujuan penipuan adalah taktik yang membawa kepada jenayah e-kewangan.

Katanya, ia dirujuk sebagai kategori penipuan seperti BEC (Business Email Compromise), 'hacking', penipuan nombor kod pengesahan transaksi (TAC) dan 'phishing'.

"Pada 2019, sebanyak 869 kes e-kewangan direkodkan dengan kerugian sebanyak RM138,347 dan jumlah itu menurun kepada 662 kes pada 2020 dengan kerugian RM25,872.

"Bagaimanapun jumlah kes direkodkan meningkat pada 2021 dengan 896 kes membabitkan kerugian RM73,454 dan jumlah kes terus meningkat pada 2022 apabila mencatatkan 1,257 kes serta RM76,216 kerugian.

"Pada tahun lalu, jumlah kes direkodkan meningkat hampir sekali ganda apabila mencatatkan 2,092 kes membabitkan kerugian RM105,093," katanya kepada Harian Metro, baru-baru ini.

Ramli berkata, Polis Diraja Malaysia (PDRM) mempunyai kepakaran siber serta kelengkapan

sewajarnya untuk mengesan pelaku di sebalik sindiket penipuan itu.

"Malah, PDRM juga sentiasa berganding bahu dengan agensi lain berkaitan keselamatan siber seperti Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) serta Cybersecurity Malaysia dalam usaha pembanterasannya kegiatan jenayah siber.

"Dari aspek siasatan, PDRM turut mendapat sokongan dan kerjasama daripada penyedia perkhidmatan telekomunikasi yang sentiasa membantu dalam soal perkongsian maklumat," katanya.

Menurutnya, pembanterasannya terhadap kes sebegini dilakukan melalui kaedah sama seperti kes jenayah komersial yang lain iaitu melalui siasatan, operasi dan pertuduhan di mahkamah.

"Namun bagi memastikan pembanterasannya yang lebih efektif, JSJK turut memberikan penekanan kepada aspek pencegahan menerusi siri kempen, wawancara, ceramah dan sebagainya.

"JSJK sentiasa mengingatkan masyarakat untuk tidak mengisi maklumat peribadi dan maklumat perbankan di dalam mana-mana aplikasi yang mencurigakan.

"Kesedaran dalam kalangan masyarakat adalah perkara yang paling utama memandangkan taktik penipuan ini akan sentiasa berubah seiring dengan perkembangan semasa," katanya.

“Tahun lalu, jumlah kes direkodkan meningkat hampir sekali ganda”
Ramli